PP

lwn.

MAZLAN MUSTAFFA

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: K-05-69-04]
24 SEPTEMBER 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Elemen milikan - Pengetahuan - Dadah tidak ditemui dalam milikan atau kawalan fizikal responden - Rumah di mana dadah ditemui bukan di bawah milikan eksklusif responden - Sama ada responden harus dilepaskan dan dibebaskan*

KETERANGAN: *Maklumat membawa kepada penemuan dadah - Kebolehterimaan - Hakim bicara menolak pengemukaan maklumat sebagai keterangan - Sama ada maklumat diperolehi secara 'menindas dan melalui pujukan' - Sama ada pernyataan dibuat oleh tertuduh sendiri - Akta Keterangan 1950, s. 27 - Hakim perbicaraan mempunyai budibicara untuk menolak keterangan jika diperolehi melalui kelakuan bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran*

Responden telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') atas kesalahan mengedar dadah berbahaya kanabis seberat 6,618 gram. Faktanya adalah pada 23 Mac 2001, SP5 telah menerima maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah jenis ganja oleh seorang lelaki Melayu di satu alamat di Sungai Petani, Kedah. SP5 telah memecah masuk ke dalam rumah itu dan telah menahan responden yang didapatinya sedang berdiri di ruang tamu tingkat bawah. Tiada apa-apa yang dijumpai pada dirinya. SP5 seterusnya menjalankan pemeriksaan dan mendapati di bahagian dapur sebuah kabinet yang mengandungi satu bekas plastik yang di dalamnya terdapat ceraian daun-daun yang disyakinya ganja. SP5 seterusnya membacakan kepada responden amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta sebelum memulakan soal siasat. Responden telah memberikan kepada SP5 maklumat yang telah dicatatkannya di atas kertas eks. P43. Berikutan maklumat itu, responden telah membawa SP5 dan anggota pasukannya ke ruang keluarga di tingkat atas rumah dan menunjukkan ke arah siling di mana terdapatnya beg warna hitam tulisan 'Adidas' yang mengandungi ketulan ganja. Seterusnya responden telah ditangkap bersama-sama isterinya yang

berada di sebuah bilik di tingkat atas rumah itu. Kes pihak pendakwa bergantung kepada maklumat P43 bagi membuktikan pemilikan responden ke atas dadah yang dipersoalkan. Menurut Timbalan Pendakwa Raya ('TPR'), maklumat tersebut diliputi oleh s. 27 Akta Keterangan 1950 dan boleh dibuktikan. Sehubungan dengan itu, TPR menegaskan penemuan dadah yang dipersoalkan di tempat yang dinyatakan oleh responden itu jelas menunjukkan responden mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan kanabis tersebut dan oleh itu memilikinya. Hakim perbicaraan telah menolak pengemukaan maklumat itu sebagai keterangan atas alasan-alasan (1) beliau mendapati keterangan itu telah diperolehi secara 'menindas dan melalui pujukan' dan (2) beliau mencurigai bahawa ayat dalam P43 tersebut adalah perkataan-perkataan atau maklumat daripada tertuduh. Hakim perbicaraan telah membebaskan dan melepaskan responden di akhir kes pendakwaan setelah mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadapnya. Oleh itu, pihak pendakwa merayu terhadap keputusan itu.

Diputuskan (menolak rayuan; mengesahkan perintah Mahkamah Tinggi melepaskan dan membebaskan responden)
Oleh Sulaiman Daud HMR:

(1) Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa hakim perbicaraan mempunyai budi bicara untuk mengecualikan keterangan yang menjejaskan seseorang tertuduh walaupun ia boleh diterima secara teknikal. Hakim perbicaraan hendaklah terlebih dahulu memastikan kesahihannya. Hakim perbicaraan juga mempunyai budi bicara untuk menolak keterangan sedemikian jika ia diperolehi dengan cara yang menindas atau melalui kelakuan yang bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran. Tiada sebab untuk mahkamah ini campur tangan dalam keputusan hakim perbicaraan menggunakan budi bicaranya dalam menolak keterangan tersebut. (perenggan 8 & 10)

(2) Walaupun isu kesukarelaan tidak relevan dalam menimbangkan kebolehterimaan maklumat s. 27 tetapi dalam kes ini terdapat keterangan yang jelas menunjukkan ketidakpatuhan kepada taraf-taraf kewajaran dalam pemorelehan maklumat tersebut. Responden di sini telah memberikan keterangan tersebut sebaik sahaja dibawa dari dapur ke ruang tamu rumahnya dalam keadaan tangan bergari dan diacukan pistol di awal pagi setelah rumahnya dipecah masuk dan digeledah. Keterangan yang diberikan dalam keadaan menindas sebegini adalah bertentangan dengan hasrat responden sendiri. (perenggan 10)

(3) Hakim perbicaraan telah begitu menghalusi pernyataan P43 tersebut dan telah dengan betul memutuskan bahawa ia bukannya pernyataan responden tetapi telah diolah atau diubahsuai oleh SP5 bagi menyelaraskannya dengan penemuan dadah yang dipersoalkan. Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa untuk bergantung kepada maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan, pernyataan itu mestilah dibuat oleh tertuduh sendiri dalam bahasanya sendiri. Perkataan-perkataan yang diucapkan oleh tertuduh haruslah dibuktikan dengan tegasnya dan tidak seharusnya diubah dengan kata-kata lain (*Hasamuddin Talena v. PP*, *PP v. Kanapathy*). (perenggan 13)

(4) Dengan penolakan maklumat P43, keterangan yang tinggal di hadapan mahkamah adalah mengenai penemuan ganja di atas kabinet dapur dan di atas siling ruang keluarga tingkat atas rumah tersebut. Hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa keterangan itu sahaja adalah tidak mencukupi untuk mengkaitkan responden dengan pemilikan dadah yang dipersoalkan. Hakim perbicaraan telah tidak tersilap atau tersalah arah dalam pemakaian undang-undang terhadap fakta kes di hadapannya. Keterangan jelas menunjukkan dadah yang dipersoalkan tidak ditemui dalam milikan atau kawalan fizikal responden. Ia dijumpai di bahagian dapur dan di atas siling ruang keluarga rumah. Rumah atau tempat di mana dadah tersebut dijumpai juga tidak berada di bawah milikan ekslusif responden kerana ia turut didiami oleh isterinya dan seorang subtenant lain. Walaupun isteri responden telah menafikan beg yang mengandungi dadah tersebut miliknya, tetapi keterangan saksi pendakwa itu jelas menunjukkan pada masa material rumah itu turut didiami oleh seorang lelaki lain yang mempunyai kunci sendiri. Tiada keterangan dikemukakan oleh pihak pendakwa untuk menolak kemungkinan dadah tersebut dipunyai oleh penghuni lain tersebut. Oleh itu, tiada sebab untuk mengganggu dapatan hakim perbicaraan mengenai isu pemilikan dadah yang dipersoalkan. (perenggan 14, 15 & 17)

English *Translation of Headnotes*

The respondent was charged under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') for trafficking in cannabis weighing 6,618 gram. The facts were that on 23 March 2001, SP5 had received information regarding drug trafficking activities by a Malay man at an address in Sungai Petani, Kedah. SP5 had broken into the house

A and had detained the respondent who was standing in the middle of the living room on the lower floor. Nothing was found on the person of the respondent. SP5 went on to conduct checks and found a kitchen cabinet that contained one plastic container containing pieces of leaves suspected to be cannabis. SP5 proceeded to read to
B the respondent the cautioned statement under s. 37A(1)(b) of the Act before initiating interrogation. Respondent had given SP5 information which was noted down in exh. paper P43. Following the said information, respondent had brought SP5 and his team to the living room area on the upper floor of the house and pointed in the
C direction of the ceiling where a black bag with the word 'Adidas' written on it containing lumps of cannabis was found. Respondent was subsequently arrested with his wife that was found in a room in the upper floor. The prosecution relied on the information P43 when establishing respondent's possession of the drugs in question.
D According to the Deputy Public Prosecutor ('DPP'), the said information is covered by s. 27 of the Evidence Act 1950 and could be proved. In relation to that, the DPP emphasised that the discovery of the drugs in question at the place that was stated by the respondent clearly showed that the respondent had knowledge of
E the said existing cannabis and therefore had possession of it. The trial judge had dismissed the suggested information as evidence on these grounds (i) the trial judge found that the evidence had been obtained through 'oppression and persuasion' and (2) the trial judge was not convinced that the sentences in the said P43 were words or
F information from the accused. The trial judge had acquitted and discharged the respondent at the end of the prosecution's case after finding that the prosecution had failed to establish a *prima facie* case against the respondent. Thus, the prosecution appealed against the said decision.

G

Held (dismissing the appeal; affirming order of the High Court acquitting and discharging the respondent)
Per Sulaiman Daud JCA:

H **(1)** It is an accepted principle of law that the trial judge had the discretion to exempt evidence that could affect the accused even though it could be technically accepted. The trial judge had to firstly ensure its validity. The trial judge also had the discretion to dismiss the said evidence if it was obtained through an
I oppressive way or through acts that contravened standards of rationality. There was no reason for the court to intervene in the decision that the trial judge had made according to his discretion in dismissing the said evidence.

(2) Although the issue of voluntariness was irrelevant in considering the admissibility of the s. 27 information but the case herein contained evidence that clearly showed non-compliance with the standards of rationality when obtaining the said information. The respondent herein had given the evidence as soon as he was handcuffed and brought at gunpoint from the kitchen to the living room of the house in the early hours of the morning after his house had been broken into and ransacked. The evidence given in such an oppressive situation contravened respondent's own intentions.

(3) The trial judge had meticulously gone through the said P43 statement and had correctly held that it was not the respondent's statement but had been changed and amended by SP5 to coordinate with the discovery of the drugs in question. It is an accepted principle of law that in order to rely on the information under s. 27 Evidence Act, the statement must be done by the accused himself in his own words. The words uttered by the respondent needed to be strictly proved and could not be altered with other words (*Hasamuddin Talena v PP; PP v Kanapathy*).

(4) With the dismissal of the P43 information, the remaining evidence in front of the court was the discovery of the cannabis in the kitchen cabinet and in the ceiling of the family area in the upper level of the said house. The trial judge held that the said evidence was not enough to link the respondent with possession of the drugs in question. The trial judge was not wrong or misdirected in applying the law on the facts of the case before him. Evidence clearly showed that the drugs in question were not found in the custody or control of the respondent. It was found in the kitchen and in the ceiling of the family area of the said house. The house or the place where the drugs were discovered was not under the exclusive possession of the respondent as it was occupied by his wife and another sub-tenant. Even though the wife had denied that the bag containing the drugs belonged to her, the evidence of the prosecution witnesses clearly showed that at the material time the house was occupied by another man who had his own set of keys. There was no evidence adduced by the prosecution to dismiss the probability that the said drugs belonged to other occupants. Therefore, there was no reason to disturb the findings of the trial judge regarding the issue of possession of the drugs in question.

Kes-kes yang dirujuk:
Chandrasekaran & Ors v. PP [1970] 1 LNS 11 HC ***(dirujuk)***
Choo Yoke Choy v. PP [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43 SC ***(dirujuk)***
Francis Antonysamy v. PP [2005] 2 CLJ 481 FC ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang v. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Hasamuddin Talena v. PP [2002] 2 CLJ 504 CA ***(dirujuk)***
Lee Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 345; [1992] 1 CLJ (Rep) 168 SC ***(dirujuk)***
Mustakim Chek Man v. PP [2010] 6 CLJ 256 CA ***(dirujuk)***
PP v. Kanapathy Kupusamy & Anor [2001] 1 CLJ 61 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 8 CLJ 814 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37A(1)(b), 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, ss. 24, 25, 26, 27

Bagi pihak perayu - YM Tengku Amir Zaki TPR
Bagi pihak responden - K Viknesvaran; T/n Viknes Ratna & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Alor Star; Perbicaraan Jenayah No: 45-16-2002]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Responden telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta") atas kesalahan mengedar dadah berbahaya cannabis seberat 6,618 gram. Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana ("hakim perbicaraan") telah membebas dan melepaskan responden di akhir kes pendakwaan setelah mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadapnya. Pihak pendakwa telah merayu terhadap keputusan itu. Di akhir pendengaran, kami telah dengan sebulat suara menolak rayuan ini dan mengekalkan perintah hakim perbicaraan. Alasan-alasan keputusan kami adalah seperti berikut.

[2] Kes pendakwaan setakat yang relevan dengan rayuan ini adalah seperti berikut. Pada 23 Mac 2001 jam 4.30 pagi, Ketua Inspektor Muniandy (SP5) telah menerima maklumat mengenai aktiviti pengedaran dadah jenis ganja oleh seorang lelaki Melayu di alamat 261, Lorong Kempas 1/4, Taman Kempas, Sungai Petani Kedah. Pada jam 6.30 pagi SP5 bersama-sama sembilan orang

anggota pasukannya telah sampai di rumah tersebut untuk membuat serbuan. Dia telah mengetuk pintu hadapan rumah beberapa kali sambil berteriak "polis" dan meminta penghuninya membuka pintu tetapi tidak diendahkan. Dia kemudiannya telah memecah masuk ke dalam rumah itu melalui pintu zink belakang.

[3] Di dalam rumah itu, SP5 telah menahan responden yang didapatinya sedang berdiri di ruang tamu tingkat bawah. Tiada apa-apa dijumpai pada dirinya. SP5 telah menjalankan pemeriksaan di bahagian ruang tamu dan dapur rumah itu. Di bahagian dapur, SP5 telah menemui di atas sebuah kabinet satu bekas plastik yang di dalamnya terdapat ceraian daun-daun yang disyakinya ganja. Dia seterusnya telah membawa responden ke ruang tamu dan membacakan kepadanya amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta sebelum memulakan soal siasat. Semasa disoal siasat, responden telah memberikan kepada SP5 maklumat yang telah dicatatkannya di atas kertas eks. P43, dan berbunyi seperti berikut:

> Saya letakkan satu beg berwarna hitam tulisan Adidas yang diisi dengan ketulan mampat besar, satu ketulan mampat separuh dan satu ketulan mampat suku iaitu semuanya adalah ganja yang dibalut dengan plastik lutsinar dan disimpan atas siling ruang keluarga tingkat atas.

[4] Berikutan maklumat itu, responden telah membawa SP5 dan anggota pasukannya ke ruang keluarga di tingkat atas rumah di mana terdapat sebuah tangga aluminium yang sudah terbuka. Responden telah memanjat tangga itu dan menunjukkan ke arah siling dan memberitahu SP5 dia ada simpan beg warna hitam tulisan "Adidas" di mana di dalamnya ada ketulan ganja. Selepas responden turun, SP5 telah memanjat tangga itu dan membuka siling. Dia mendapati di sudut kanan siling sebuah beg berwarna hitam yang di dalamnya terdapat lapan ketulan mampat yang disahkan oleh ahli kimia dadah berbahaya cannabis. Responden telah ditangkap bersama-sama isterinya yang berada di sebuah bilik di tingkat atas rumah itu.

[5] Ternyata kepada kami bahawa kes pihak pendakwa sebahagian besarnya bergantung kepada maklumat P43 tersebut bagi membuktikan pemilikan responden ke atas dadah yang dipersoalkan. Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") terpelajar menekankan bahawa hasil daripada maklumat itu SP5 telah pergi bersama-sama responden ke ruang keluarga di tingkat atas di mana dadah yang dipersoalkan telah ditemui di atas siling. Oleh itu beliau menghujahkan maklumat tersebut diliputi oleh s. 27 Akta

A Keterangan 1950 dan boleh dibuktikan. Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan penemuan dadah yang dipersoalkan di tempat yang nyatakan oleh responden itu jelas menunjukkan dia mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan cannabis tersebut dan oleh itu memilikinya.

B

[6] Hakim perbicaraan walaupun pada awalnya telah membenarkan pengemukaan maklumat itu sebagai keterangan tetapi telah menolaknya atas penilaian keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan. Dua alasan telah diberikan bagi penolakannya, iaitu, C pertama, beliau mendapati keterangan itu telah diperolehi secara "menindas dan melalui pujukan", dan kedua, beliau mencurigai bahawa ayat dalam P43 tersebut adalah perkataan-perkataan atau maklumat daripada tertuduh.

D **[7]** Berkenaan dengan maklumat tersebut, TPR terpelajar menegaskan bahawa s. 27 Akta Keterangan berdiri secara bebas dan tidak tertakluk kepada kaedah sukarela di bawah s. 24 Akta itu, dan hakim perbicaraan hendaklah menerima P43 tanpa perlu menimbangkan sama ada ia telah dibuat secara sukarela atau E selainnya. Bagi menyokong hujahnya, rujukan telah dibuat kepada kes *Francis Antonysamy v. PP* [2005] 2 CLJ 481, *Chandrasekaran & Ors v. PP* [1970] 1 LNS 11, dan *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814. Beliau merumuskan hakim perbicaraan telah tersilap di sisi undang-undang apabila menolak maklumat P43 tersebut.

F

[8] Kami bersetuju bahawa pernyataan yang diliputi oleh s. 27 Akta Keterangan tidaklah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang ditetapkan di bawah s. 24 hingga 26 Akta itu. Pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan tanpa perlu menimbangkan sama ada ia G diperolehi melalui dorongan, ugutan atau janji. Kedudukan undang-undang ini telah dijelaskan dalam beberapa keputusan kehakiman, termasuk kes-kes yang dirujuk oleh TPR terpelajar. Namun demikian, kami tidak dapat menerima hujah bahawa hakim perbicaraan hanya perlu menimbangkan sama ada maklumat atau H pernyataan tersebut termasuk dalam skop s. 27 bagi penerimaannya. Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa hakim perbicaraan masih mempunyai budi bicara untuk mengecualikan keterangan yang menjejaskan seseorang tertuduh walaupun ia boleh diterima secara teknikal. Prinsip undang-undang ini telah dijelaskan I oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Goi Ching Ang v. PP* [1999] 1 CLJ 829. Dalam kes itu perayu telah disabitkan atas dua pertuduhan kerana memiliki senjata api dan amunisi tanpa

kebenaran sah. Hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu semasa disoal siasat, pihak polis telah menjumpai tiga pucuk pistol dan 51 butir peluru dalam speaker 'mini compo' di rumahnya. Hakim perbicaraan walaupun meragui kesukarelaan maklumat s. 27 tersebut tetapi memutuskan ia boleh diterima di bawah seksyen itu. Atas rayuan, Mahkamah Persekutuan telah menolak penerimaan maklumat s. 27 tersebut setelah mendapati ia bukannya pernyataan perayu kerana ia telah diperolehi daripadanya dengan melanggar prinsip hak terhadap pembabitan diri (infringe the principle of right against self-incrimination) dan tidak adil untuk diterima bagi membuktikan kes terhadapnya. Dalam kes itu Chong Siew Fai CJ (Sabah & Sarawak) dalam menyampaikan keputusan Mahkamah itu berkata di ms. 855:

> Fairness requires fair trial which, in turn, needs fair procedure. Fair process requires that the legitimate interests of both the prosecution and the defence are adequately provided for. While the police ought to be given a reasonable opportunity to question suspects and accused persons, in its investigation, the accused must also be reasonably protected from the danger of extraction of unreliable statements and of statements (even if reliable) by some improper means. Evidence obtained in an oppressive manner by force or against the wishes of an accused person or by trick or by conduct of which the police ought not to take advantage, would operate unfairly against the accused and should in the discretion of the court be rejected for admission. The court should ensure that the standards of propriety in obtaining s. 27 information are scrupulously followed in the police station.

[9] Hakim perbicaraan dalam menolak pernyataan atau maklumat s. 27 perayu atas alasan ini telah menyatakan seperti berikut:

> Sehubungan dengan itu saya dapati berdasarkan fakta pihak pendakwaan telah memperolehi kenyataan daripada tertuduh secara menindas dan melalui pujukan. Justeru itu keterangan yang diperolehi sedemikian membawa kepada ketidakadilan terhadap tertuduh dan seharusnya atas budi bicara mahkamah, menolaknya. Mahkamah haruslah memastikan kewajaran dalam memperolehi maklumat di bawah sek. 27 dipatuhi dengan ketat kerana ia adalah pangsi yang menentukan keadilan. Setelah berbekalkan keterangan yang diberikan oleh SP7, dapat diandaikan bahawa proses memperolehi maklumat tersebut tidak mematuhi tahap kewajaran yang dikehendaki berdasarkan prinsip undang-undang mantap.
>
> SP7 menyatakan dalam keterangannya, tertuduh digari dan diacukan pistol, manakala beliau sendiri pula ditampar oleh anggota polis. Dalam kes ini sepuluh anggota polis yang terlibat dalam serbuan

A tersebut. Masa serbuan adalah diawal pagi. Dalam keadaan anggota polis yang begitu ramai, tangan digari, diacukan pistol dan isterinya pula ditampar, saya dapati keterangan SP5 mengenai penemuan barang salah atas peruntukan sek. 27 tidak boleh diterima kerana keterangan tertuduh diperolehi bukan secara sukarela setelah mengambil kira pertuduhan yang membawa hukuman berat terhadap tertuduh.

B

[10] Kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah tidak tersilap atau tersalah arah dari segi undang-undang atau fakta dalam mencapai keputusan tersebut di atas. Sebagaimana yang telah C diputuskan dalam kes *Goi Ching Ang*, *supra,* walaupun s. 27 Akta Keterangan tidak tertakluk kepada s. 24 tetapi ini tidak bermakna mahkamah perbicaraan mesti menerima keterangan di bawah seksyen itu dalam semua keadaan setelah mendapati ia telah memenuhi kehendak seksyen tersebut. Hakim perbicaraan hendaklah terlebih D dahulu memastikan kesahihannya. Disamping itu hakim perbicaraan juga mempunyai budi bicara untuk menolak keterangan sedemikian jika ia diperolehi dengan cara yang menindas atau melalui kelakuan yang bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran. Dalam kes sekarang ini, kami mendapati tiada sebab bagi kami untuk campur tangan E dalam keputusan hakim perbicaraan menggunakan budi bicaranya dalam menolak keterangan tersebut. Walaupun isu kesukarelaan tidak relevan dalam menimbangkan kebolehterimaan maklumat s. 27 tetapi dalam kes sekarang ini terdapat keterangan yang jelas menunjukkan ketidakpatuhan kepada taraf-taraf kewajaran dalam F pemerolehan maklumat tersebut. Jika diperhatikan responden telah memberikan keterangan tersebut sebaik sahaja di bawa dari dapur ke ruang tamu rumahnya dalam keadaan tangan bergari dan diacukan pistol di awal pagi setelah rumahnya dipecah masuk dan digeledah. Ternyata kepada kami bahawa keterangan yang diberikan dalam G keadaan menindas sebegini adalah bertentangan dengan hasrat responden sendiri.

[11] Selain daripada apa yang diperkatakan di atas, hakim perbicaraan turut menolak keterangan yang dimaksudkan setelah H mengesyaki kesahihan pernyataan tersebut. Bahagian alasan penghakimannya yang menyentuh soal ini adalah seperti berikut:

> Perkara seterusnya adalah mengenai bentuk maklumat yang diberikan. Meneliti ayat yang diucapkan oleh SP5 sebagaimana dinyatakan telah dibuat oleh tertuduh, tidaklah mustahil ayat ini I telah diolah semula. Adalah janggal dalam percakapan seharian untuk menggunakan perkataan-perkataan berikut 'letakkan, yang diisi' seperti dinyatakan dalam ayat berikut: 'saya letakkan beg

berwarna hitam tulisan Adidas yang diisi dengan ketulan mampat besar, satu ketulan mampat separuh dan satu ketulan mampat suku iaitu ganja yang dibalut dengan plastik lutsinar atas siling ruang keluarganya.

Begitu juga dengan pemakaian perkataan "berwarna". Kebiasaannya perkataan yang digunakan dalam percakapan adalah "warna" bukan berwarna. Perkataan "berwarna" lazimnya dalam tulisan. Struktur ayat ini juga dibuat begitu rupa yang menjadikan ia lengkap dengan maklumat yang dikehendaki. Adakah lojik untuk tertuduh memberitahu secara terperinci dalam satu ayat semua maklumat yang dikehendaki seolah-olah ia suatu skrip yang telah dihafal?.

[12] Kami mendapati hakim perbicaraan telah begitu menghalusi pernyataan P43 tersebut dan telah dengan betul memutuskan bahawa ia bukannya pernyataan responden tetapi telah diolah atau diubahsuai oleh SP5 bagi menyelaraskannya dengan penemuan dadah yang dipersoalkan. Bagi menyokong dapatan ini kami hanya perlu merujuk kepada keterangan SP5 dalam pemeriksaan utamanya di mana beliau berkata:

Saya buka ceiling dengan tolak keping ceiling.

Saya pun nampak di sudut sebelah kanan ceiling ada sebuah beg warna hitam.

Saya bawa turun beg tersebut.

Saya buka beg tersebut di depan beliau.

Dalam beg tersebut saya jumpa lapan ketulan mampat.

Daripada lapan ketulan tersebut enam ketulannya bersaiz mampat besar. Saya juga nampak satu ketulan mampat bersaiz separuh daripada yang besar dan satu lagi bersaiz 1/4 daripada ketulan mampat besar.

[13] Selain daripada bentuk ayat dan penggunaan perkataan-perkataan tertentu seperti "plastik lutsinar", terdapat juga persamaan dalam perihalan tentang saiz kelapan-lapan ketulan mampat tersebut dengan maklumat P43 yang jelas menunjukkan bahawa maklumat itu bukanlah maklumat yang telah diberikan oleh responden tetapi telah dikarang oleh SP5 bagi menyelaraskannya dengan keterangannya sendiri. Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa untuk bergantung kepada maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan, pernyataan itu mestilah dibuat oleh tertuduh sendiri dalam bahasanya sendiri. Perkataan-perkataan yang diucapkan oleh tertuduh haruslah dibuktikan dengan tegasnya dan tidak

A seharusnya diubah dengan kata-kata lain (lihat *Hasamuddin Talena v. PP* [2002] 2 CLJ 504, *PP v. Kanapathy Kupusamy & Anor* [2001] 1 CLJ 61). Oleh itu kami mendapati hakim perbicaraan telah dengan betul menolak maklumat P43 tersebut setelah mencurigai kesahihannya.

B

[14] Dengan penolakan maklumat P43, keterangan yang tinggal di hadapan mahkamah adalah mengenai penemuan ganja di atas kabinet dapur dan di atas siling ruang keluarga tingkat atas rumah tersebut. Hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa keterangan
C itu sahaja adalah tidak mencukupi untuk mengkaitkan responden dengan pemilikan dadah yang dipersoalkan. Bahagian keputusannya yang menyentuh isu ini adalah seperti berikut:

> ... Jelas dari keterangan bahawa SP7 mempunyai akses kepada siling dan bahagian lain di rumah tersebut. SP7 mempunyai pengetahuan
D tentang kewujudan tangga. Tangga berkenaan boleh digunakan oleh sesiapa dan bukan tertuduh sahaja. Kewujudan seorang bernama Zabidi menjadikan persoalan milikan eksklusif barang salah menimbulkan tandatanya. Dalam rangkaian kes-kes yang dinyatakan terdahulu, adalah diputuskan bahawa pendakwaan mesti
E membuktikan milikan eksklusif barang salah. Tanpa pembuktian milikan secara eksklusif saya berpendapat pihak pendakwaan gagal mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh ... .

[15] Mengenai isu pemilikan ini, kami juga mendapati bahawa hakim perbicaraan telah tidak tersilap atau tersalah arah dalam
F pemakaian undang-undang terhadap fakta kes di hadapannya. Keterangan jelas menunjukkan dadah yang dipersoalkan tidak ditemui dalam milikan atau kawalan fizikal responden. Ia dijumpai di bahagian dapur dan di atas siling ruang keluarga rumah. Dalam kes *Lee Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 345; [1992] 1 CLJ (Rep) 168,
G Mahkamah Agung telah membenarkan rayuan perayu atas sabitan di bawah s. 39B(1)(a) Akta setelah mendapati tidak ada bukti yang muktamad bahawa bilik di mana dadah yang berkenaan dijumpai digunakan secara eksklusif oleh perayu. Begitu juga dalam kes *Choo Yoke Choy v. PP* [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43,
H Mahkamah Agung juga telah membenarkan rayuan perayu atas kesalahan yang sama setelah mendapati keterangan di hadapan mahkamah tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa perayu sendiri mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dadah yang dijumpai dalam bilik perayu kerana bilik berkenaan turut diduduki oleh
I isterinya.

[16] Keperluan untuk membuktikan milikan eksklusif ke atas premis di mana dadah yang dipersoalkan ditemui turut ditekankan oleh mahkamah ini dalam kes *Mustakim Chek Man v. PP* [2010] 6 CLJ 256. Fakta kes ini menunjukkan perayu telah ditahan oleh sepasukan anggota polis di kawasan flat rumahnya. Dia tinggal di flat itu bersama-sama kakak dan suaminya. Apabila disoal, perayu mengaku ada menyimpan barang salah, dan kemudiannya telah membawa anggota polis tersebut ke flatnya. Di flat itu, perayu telah mengeluarkan sebuah beg yang mengandungi dadah dari sebuah bilik, dan sebungkus plastik merah mengandungi dadah dari sebuah laci di ruang tamu. Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan perayu setelah menolak maklumat s. 27 perayu, dan mendapati pihak pendakwa telah gagal membuktikan perayu mempunyai milikan atau kawalan ke atas dadah tersebut atas alasan perayu tidak mempunyai milikan eksklusif ke atas flat atau bilik di mana dadah itu dijumpai.

[17] Begitu juga dalam kes sekarang ini. Setelah menolak maklumat P43 tersebut, keterangan yang ada hanya menunjukkan penemuan dadah yang dipersoalkan di bahagian dapur dan di atas siling ruang keluarga rumah. Rumah atau tempat di mana dadah tersebut dijumpai juga tidak berada di bawah milikan eksklusif responden kerana ia turut di didiami oleh isterinya dan seorang subtenant lain. Walaupun isteri perayu telah menafikan beg yang mengandungi dadah tersebut miliknya, tetapi keterangan saksi pendakwa itu jelas menunjukkan pada masa material rumah itu turut didiami oleh seorang lelaki lain yang mempunyai kunci sendiri. Tiada keterangan dikemukakan oleh pihak pendakwa untuk menolak kemungkinan dadah tersebut dipunyai oleh penghuni lain tersebut. Oleh itu kami mendapati tiada sebab untuk mengganggu dapatan hakim perbicaraan mengenai isu pemilikan dadah yang dipersoalkan.

[18] Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami telah menolak rayuan ini dan mengesahkan perintah Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan responden.